

30 DEC 1997

MAHATHIR (SOROTAN)

1997 TAHUN MENCABAR KEPADA MAHATHIR

Oleh: Azman Hashim

KUALA LUMPUR; Kalaulah tidak kerana kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, 1997 sudah pasti menjanjikan satu lagi tahun gemilang bagi kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Dr Mahathir memulakan 1997 dengan penuh keyakinan bagi merealisasikan Koridor Raya Multimedia (MSC) melalui "road show" ke negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah.

Malah, keyakinan Perdana Menteri mengenai kekukuhan ekonomi dan kestabilan politik di negara ini menyebabkan beliau buat pertama kali mengambil cuti panjang selama dua bulan untuk berehat di seberang laut sambil melakukan beberapa lawatan rasmi dan tidak rasmi.

Bagaimanapun, sekembalinya ke tanahair pada 22 Julai, Malaysia mulai terasa bahang krisis ekonomi negara jiran, Thailand, yang menyebabkan kerajaan negara itu terpaksa mengapungkan matawang Baht dan seterusnya memohon bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Malaysia dan beberapa negara lain di rantau ini seperti Indonesia, Filipina dan Singapura, yang pada mulanya begitu yakin masalah itu tidak mungkin merebak, akhirnya terpaksa akur kesan masalah Thailand itu sudah tidak dapat dielakkan lagi apabila Indonesia pula menjadi mangsa.

Bagi Dr Mahathir, kejatuhan nilai matawang dan pasaran saham di rantau ini bukanlah sangat kerana salah pengurusan ekonomi, sekurang-kurangnya bagi Malaysia, tetapi berpunca daripada kegiatan tidak bermoral para spekulator dan manipulator perdagangan matawang dan pasaran saham.

Perdana Menteri telah menggunakan hampir separuh daripada 1997 untuk memperjuangkan satu bentuk pengawalan terhadap perdagangan matawang atau seluruh dunia akan menerima padah daripada kegiatan yang tidak bertanggungjawab itu.

Perjuangan Dr Mahathir tidak sia-sia apabila IMF sendiri bersetuju untuk mengkaji cadangan itu manakala forum-forum antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Asean turut memberi perhatian serius.

Kepimpinan Dr Mahathir turut tercabar pula oleh desakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) yang mahu beliau meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana kononnya membuat tuduhan bahawa krisis matawang di rantau ini adalah konspirasi masyarakat Yahudi.

Walaupun Perdana Menteri telah menafikan berkali-kali yang beliau pernah berkata demikian, anggota penggubal dasar AS itu masih mahu meneruskan usul mereka di Kongres, tindakan yang dilihat rakyat Malaysia sebagai campurtangan asing dalam menentukan kepimpinan di negara ini.

Kemarahan rakyat itu dimanifestasikan menerusi wakil-wakil mereka di Dewan Rakyat yang pada persidangan mereka pada 19 November telah sebulat suara merakamkan sokongan ke atas kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan mengecam tindakan anggota-anggota kongres itu yang mereka sifatkan sebagai sudah melampaui batasan diplomasi.

Rakyat juga mengutuk AS kerana cuba menyoalsiasat Petronas yang turut serta dalam usahasama carigali gas dengan Gazprom dari Rusia dan Total SA dari Perancis di Iran. AS cuba menggunakan undang-undang sehalu (unilateral) yang digubalnya untuk mengenakan tindakan terhadap mana-mana syarikat yang melabur lebih AS\$20 juta setahun di negara musuhnya, Iran.

Ternyata tindakan anggota-anggota kongres itu dan cubaan campurtangan

pentadbiran AS dalam soal pelaburan Petronas telah memperkukuhkan lagi kedudukan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri kerana rakyat Malaysia sudahpun membuktikan mereka masih memerlukan kepimpinannya walaupun sudah memasuki tahun ke 16.

Dalam mempromosikan MSC, Dr Mahathir membuka tirai 1997 dengan melawat AS dari 12 hingga 17 Januari, Jepun dari 18 hingga 21 Januari dan ke beberapa negara Eropah semasa beliau bercuti dari 18 Mei hingga 21 Julai.

Lawatan "road show" itu jelas berjaya menarik minat begitu banyak gergasi industri teknologi maklumat (IT) untuk menanam modal dalam MSC di suatu koridor di selatan Kuala Lumpur itu.

Sepanjang 1997 juga memperlihatkan Dr Mahathir melawat ke 19 buah negara untuk mempereratkan hubungan dua hala, menarik pelaburan, menawarkan kepakaran Malaysia kepada negara-negara sedang membangun dan berucap pada forum atau seminar-seminar antarabangsa.

Negara-negara yang dilawatinya ialah Arab Saudi, Kuwait, Bahrain, Pakistan, Malawi, Afrika Selatan, Mongolia, Kyrgystan, Hong Kong, Cuba, Chile, Uruguay, Argentina, Scotland (CHOGM), Slovenia, Kanada (APEC) dan Iran (OIC), selain Amerika dan Jepun.

Semua lawatan itu telah membuahkan hasil yang lumayan melalui pemeteraian beberapa perjanjian persefahaman dan kemasukan lebih banyak pelaburan asing ke negara ini walaupun krisis ekonomi sedang mencengkam Malaysia pada masa ini.

Pada 20 Dis lepas, genaplah 72 tahun usia Dr Mahathir dan sudah tentu hadiah yang paling menarik bagi beliau ialah sokongan padu rakyat kepada segala usahanya untuk memulihkan semula ekonomi negara melalui pelbagai langkah berjimat cermat yang telah diumumkan kerajaan.

Berkat ketekunan beliau dan sokongan padu rakyat, 1998, tahun yang dijangka penuh dengan onak dan duri, sudah pasti mampu diharungi Malaysia dengan penuh ketenangan dan keinsafan bahawa masih ada sinar di hujung sana (there is still light at the end of the tunnel). -- Bernama

AH AM